

Pantai penuh sampah

KUANTAN – Jika di kawasan lain mengalami hakisan teruk selepas air pasang besar malam semalam, pantai Cempaka pula dipenuhi sampah sarap dibawa ombak besar, disifatkan paling teruk dalam tempoh lima tahun.

Tinjauan *Sinar Harian* di sepanjang pantai itu mendapati banyak plastik, bekas makanan, botol dan kayu memenuhi jajaran pantai Kampung Cempaka hingga pantai Cerok Paloh, antara yang terkenal sebagai lokasi pelancongan di daerah ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Mat Lazim Kadir, berkata sampah sarap itu dibawa ombak besar dan air pasang malam semalam.

“Kita akan melakukan gotong-royong bagi membersihkan semua sampah sarap ini selepas musim tengkujuh bagi memastikan keselamatan penduduk,” katanya.

Katanya, fenomena air pasang itu mengakibatkan beberapa tempat di pantai itu berlaku hakisan.